

Program didik rakyat urus hutang perlu diperkasa

Literasi kewangan wajar dipupuk supaya belanja ikut kemampuan

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@nstp.com.my

Kuala Lumpur: Program literasi kewangan perlu sentiasa diperkasakan bagi memastikan rakyat tidak bergelumbang dengan hutang, sekali gus mengawal peningkatan hutang isi rumah di negara ini.

Ahli ekonomi berpendapat, meskipun risiko hutang isi rumah terhadap kestabilan kewangan domestik ketika ini masih terkawal, ia tidak boleh diambil ringan kerana hutang yang tinggi boleh menjejaskan kualiti hidup serta produktiviti seseorang.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School, Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata literasi kewangan amat penting dipupuk dalam kalangan rakyat sejak kecil.

Beliau berkata, kerajaan dan semua pihak harus sama-sama memainkan peranan mendidik dan memastikan rakyat tidak menjadikan berhutang sebagai amalan.

"Rakyat harus memastikan



Kempen gunakan kad debit berbanding kad kredit, jangan ambil pinjaman peribadi untuk berkahwin. Sediakan platform untuk pinjaman berasaskan 'qardhul hassan', iaitu tidak mengenakan riba.

Ahmed Razman Abdul Latiff,
Pengurus Pembangunan
Perniagaan Putra
Business School

mereka berbelanja mengikut kemampuan, tidak terikut-ikut dengan gaya, simbol atau status lalu berbelanja dengan boros.

"Kerajaan dan pihak swasta pula harus menyediakan alternatif kepada hutang untuk segala

jenis transaksi. Contohnya, kempen sewa rumah berbanding membeli harus diperhebatkan.

"Kempen gunakan kad debit berbanding kad kredit, jangan ambil pinjaman peribadi untuk berkahwin. Sediakan platform untuk pinjaman berasaskan 'qardhul hassan', iaitu tidak mengenakan riba," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad semalam, mengenai wujud tanda-tanda kesukaran dalam kalangan peminjam di negara ini untuk membayar balik hutang, terutama peminjam berpendapatan kurang RM5,000 sebulan dan tinggal di bandar.

Ketika melancarkan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023, Perdana Menteri berkata, ia turut disokong oleh peningkatan peminjam yang menyertai Program Pengurusan Hutang ditawarkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Pada majlis sama, Dr Mahathir juga mengumumkan kerajaan akan menyegerakan penggubalan Akta Kredit Pengguna bagi melindungi kepentingan pengguna dan menggalakkan pasaran kredit yang sihat.

Ahmed Razman berkata, jika keadaan sukar membayar hutang berlarutan, ia akan memberi impak negatif kepada peminjam, bukan saja dari segi kewangan, malah psikologi dan produktiviti, sekali gus boleh menjejaskan organisasi tempat peminjam bekerja.

Bagi jangka panjang, katanya, negara juga akan terjejas kerana peminjam tidak mampu menyumbang kepada produktiviti dan kekayaan negara, sebaliknya memberi beban dari segi bantuan kewangan dan kesihatan.

Mengenai penggubalan Akta Kredit Pengguna, Ahmed Razman berkata, ia langkah yang wajar, tetapi yang lebih penting ialah kempen kesedaran supaya rakyat tidak menjadikan hutang sebagai amalan, sebaliknya berbelanja mengikut kemampuan.

Sementara itu, Ketua Ekonomi Bank Islam Malaysia, Bhd Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata selain memperkasakan program literasi kewangan, nilai positif seperti 'mengukur baju di badan sendiri' perlu sentiasa dititikberatkan.

Katanya, pengaruh sosial dan keadaan sekeliling boleh mempengaruhi keputusan seseorang untuk berhutang jumlah yang besar bagi memenuhi impian peribadi, sedangkan perkara diimpikan itu mungkin di luar kemampuan mereka.

"Contohnya rumah. Umum tahu harga kediaman mahal, maka keputusan paling bijak adalah menyewa, bukannya membeli kerana nilai pembiayaan rumah bergantung kepada harga hartanah itu.

"Semakin tinggi harga rumah, semakin besar nilai pembiayaan. Justeru, perlu ada kesedaran bagi rakyat Malaysia untuk tidak terlalu terikut-ikut dalam memenuhi sesuatu kehendak meskipun ia kelihatan penting," katanya.